

Malam Matematik Dengan Ekonomi 2012

Artikel oleh: Suriani Hassan, Sarimah Surianshah dan Lai Kah Yan

Majlis Malam Matematik dengan Ekonomi 2012 diadakan bagi merapatkan hubungan di antara pelajar-pelajar tahun satu, tahun dua dan tahun akhir program Matematik dengan Ekonomi bersama pensyarah-pensyarah. Majlis ini telah diadakan di Grand Ballroom 1Borneo pada 22 April 2012 dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Baba Musta selaku Pemangku Dekan Sekolah Sains dan Teknologi. Pensyarah-pensyarah Matematik dengan Ekonomi yang hadir ialah Prof. Madya Dr. Aini Janteng (Ketua Program), Prof. Zainodin Haji Jubok, Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun, Puan Suriani Hassan, Puan Noraini Abdullah, Cik Norlita Ismail, Puan Chin Su Na dan Encik Yong Enn Lun.

Antara aktiviti-aktiviti Malam Matematik dengan Ekonomi 2012 ialah ucapan pengerusi, ucapan Ketua Program, persembahan pelajar tahun satu, persembahan pelajar tahun dua, persembahan pelajar tahun akhir secara berkumpulan, cabutan bertuah dan pemilihan



Meja VVIP.



Pelajar-pelajar tahun akhir HS08.



Pelajar-pelajar tahun kedua HS08.



Pelajar-pelajar tahun pertama HS08.

seorang pelajar lelaki serta seorang pelajar perempuan sebagai Raja dan Permaisuri pakaian terbaik. Acara kemuncak Malam Matematik dengan Ekonomi 2012 ialah penganugerahan sijil-sijil untuk meraikan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam subjek-subjek program Matematik dengan Ekonomi seperti Matematik 1, Matematik 2, Analisis Statistik, Sains Keputusan, Pengoptimuman dan beberapa subjek lain di peringkat program.

Semoga aktiviti tahunan Malam Matematik dengan Ekonomi ini sentiasa diadakan dan berjalan dengan lancar dalam mencapai objektif utama di samping secara tidak langsung mendedahkan pelajar-pelajar pengalaman berurusan dengan pihak luar universiti dalam menguruskan dan menjayakan sesuatu majlis.